

22/01/2003

Dr M, Anwar akan dipanggil jadi saksi

KUALA LUMPUR: Dua pemimpin DAP, Lim Kit Siang dan Dr Chen Man Hin, yang menghadapi saman malu daripada bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, akan memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai saksi mereka dalam perbicaraan bermula esok.

Peguam Karpal Singh memberitahu Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk James Foong, anak guamnya juga akan memanggil anak Kit Siang, Lim Guan Eng, Pendek Ahmad, nenek kepada gadis yang didakwa mempunyai hubungan dengan Abdul Rahim serta gadis itu sendiri sebagai saksi.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya belum lagi berjaya menyerahkan sapina kepada Dr Mahathir untuk hadir ke mahkamah.

Beliau berkata, Guan Eng dan Pendek, sudah menerima sapina manakala sapina ke atas gadis yang kini di Kuantan juga sudah dikeluarkan.

Anwar yang kini menjalani hukuman penjara enam tahun di atas kesalahan amalan rasuah hadir di mahkamah semalam selepas disapina Karpal untuk memberi keterangan.